



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MALAYSIA MEMPERKUKUH KOMITMEN KESIHATAN BUMI MELALUI PELAN TINDAKAN KESIHATAN BUMI NEGARA

KUALA LUMPUR, 20 November 2025 – Malaysia memperkukuh komitmen negara terhadap agenda kesihatan bumi melalui satu set tindakan utama yang berstruktur di bawah Pelan Tindakan Kesihatan Bumi Negara (PTKBN). Tindakan menyeluruh ini memastikan keselarasan dasar, kerjasama rentas sektor dan hasil yang dapat dinilai dalam menghubungkan kesihatan manusia, haiwan dan alam sekitar.

Bagi merealisasikan pelaksanaan PTKBN, Malaysia perlu bertindak tegas melalui lima tindakan utama seperti berikut:

1. **Kepimpinan Institusi** - Memperkukuh kerjasama melalui Majlis Kemampanan Negara untuk menyelaraskan dasar dan tindakan.
2. **Rangka Kerja Pemantauan Impak** - Mengukur kemajuan dalam aspek alam sekitar, masyarakat, ekonomi dan tadbir urus.
3. **Sistem Kecerdasan Alam Sekitar** - Membangunkan Pangkalan Data Genomik Negara bagi memantau biodiversiti, pencemaran dan risiko kesihatan secara masa nyata.
4. **Pendidikan dan Perubahan Tingkah Laku** - Mengintegrasikan prinsip kesihatan bumi dalam pembelajaran dan komunikasi bagi membentuk minda mampan.
5. **Model Pembiayaan Mampan** - Menggerakkan dana untuk penyelesaian berasaskan ekonomi rendah karbon, berasaskan alam semula jadi, dan ekonomi kitaran.

Dalam ucapan perasmian di Forum Kesihatan Bumi Negara, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), YB Tuan Chang Lih Kang, berkata, pelaksanaan lima tindakan ini menjadi panduan utama kepada strategi kemampanan jangka panjang Malaysia. PTKBN, yang dimandatkan oleh Majlis Sains Negara pada tahun 2022 melalui MOSTI serta dibangunkan oleh Akademi Sains Malaysia (ASM), berfungsi sebagai pelan induk negara bagi menyelaraskan pembangunan dalam lingkungan had bumi. Ia merupakan rangka kerja pendekatan seluruh negara yang dibangunkan melalui input daripada saintis, pembuat dasar, masyarakat sivil, belia dan sektor industri.

“Secara keseluruhannya, kesihatan bumi perlu menjadi wacana nasional dan pendidikan ialah kunci utama dalam membentuk minda serta tingkah laku masyarakat ke arah budaya kemampanan. Malaysia menyasarkan untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2040 berasaskan masyarakat yang saksama serta ekonomi inklusif dan progresif yang mengutamakan kesihatan bumi dan tadbir urus yang baik,” kata YB Tuan Chang Lih Kang.

Presiden ASM, Academician Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc turut menyatakan, “NPHAP bertujuan menggerakkan Malaysia melangkaui penambahbaikan berperingkat ke arah transformasi sistemik yang melindungi rakyat, memelihara planet dan memastikan kemakmuran jangka panjang. Ia berfungsi sebagai rangka kerja strategik berpandukan misi yang membolehkan Malaysia menangani situasi kompleks dengan lebih tangkas, kreatif dan berdaya tahan.”

Turut hadir ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembudayaan Sains) MOSTI, YBhg. Dato’ Ruziah Shafei, Ketua Pegawai Eksekutif ASM, Puan Hazami Habib dan Pengerusi PTKBN, Academician Profesor Emerita Datuk Dr Asma Ismail FASc.

PTKBN mengintegrasikan prinsip kesihatan bumi dalam tadbir urus, pendidikan dan industri melalui pendekatan seluruh negara yang disokong oleh enam Bidang Keberhasilan Utama (KRA), 53 strategi dan 222 pelan tindakan. Pelan ini berpaksikan prinsip kemanusiaan, didayakan oleh STI, berasaskan alam semula jadi, serta dipandu oleh nilai murni, menjadikan Malaysia sebagai pemelihara bumi yang bertanggungjawab dan negara yang melahirkan bakat bertaraf global untuk ekonomi mampan.

Pelan ini turut berasaskan bukti daripada laporan *Science Outlook 2020* serta kajian mengenai penyakit zoonotik, biodiversiti kepersisan dan COVID-19 dengan menggariskan keperluan mendesak untuk memperkukuh agenda kesihatan bumi melalui pendekatan sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (STIE).

Komitmen Malaysia terhadap kesihatan bumi baru-baru ini turut mendapat pengiktirafan antarabangsa di *Planetary Health Alliance Meeting* (PHAM) di Rotterdam. PHAM mengiktiraf Malaysia sebagai negara pertama di dunia yang membangunkan dan melaksanakan Pelan Tindakan Kesihatan Bumi Negara. Dengan visi, daya jangka dan iltizam yang kukuh, Malaysia telah meletakkan penanda aras global bahawa kesejahteraan manusia dan kesihatan bumi adalah saling berkait dan tidak dapat dipisahkan.

Untuk maklumat lanjut dan laporan penuh berkenaan PTKBN, layari <https://www.akademisains.gov.my/planetary-health/>.

#TAMAT#



Kit Media: [Klik di sini.](#)

Pertanyaan Media: Sekretariat PTKBN, Akademi Sains Malaysia

Email: planetaryhealth@akademisains.gov.my

Hubungi: +603 6203 0633 samb. 156/127/175/174/148





PRESS RELEASE

MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

MALAYSIA ADVANCES PLANETARY HEALTH THROUGH THE NATIONAL PLANETARY HEALTH ACTION PLAN

KUALA LUMPUR, 20 November 2025 – Malaysia is strengthening its national commitment to planetary health through a structured set of key actions under the National Planetary Health Action Plan (NPHAP). These action areas ensure policy coherence, cross-sector coordination, and measurable outcomes that link human, animal, and environmental health.

To operationalise the NPHAP, Malaysia must act decisively in five actions as follows:

1. **Institutional Leadership** - Strengthening coordination through the National Sustainability Council to align policies and actions.
2. **Impact Tracking Framework** - Measuring progress across environment, society, economy, and governance.
3. **Environmental Intelligence Systems** - Creating a National Genomic Database to monitor biodiversity, pollution, and health risks in real time.
4. **Education and Behavioural Change** - Embedding planetary health into learning and communication to cultivate sustainability mindsets.
5. **Sustainable Financing Models** - Mobilising funding for low-carbon, nature-based, and circular economy solutions.

Officiating the National Planetary Health Forum, Minister of Science, Technology and Innovation, YB Tuan Chang Lih Kang said these actions provide the way forward for Malaysia's long-term sustainability strategy. The NPHAP, mandated in 2022 by the National Science Council through the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI), was developed by the Academy of Sciences Malaysia (ASM) and serves as Malaysia's blueprint for realigning development within planetary boundaries. It is a Whole-of-Nation framework shaped with input from scientists, policymakers, civil society, youth, and business.

"Ultimately, planetary health must become a national conversation, and education is key in shaping mindsets and behaviour towards a culture of sustainability. Looking ahead, Malaysia aspires to become a developed nation by 2040, built on an equitable society and an inclusive, progressive economy that prioritises planetary health and upholds good governance," added the Minister.

ASM President, Academician Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc echoed, “NPHAP aims to move Malaysia beyond incremental improvement towards systemic transformation that safeguards people, protects the planet and secures long-term prosperity. It stands as a strategic, mission-oriented framework enabling Malaysia to respond to complexity with agility, creativity and resilience.”

Also in attendance were the Deputy Secretary General (Planning and Science Enculturation) MOSTI, YBhg. Dato’ Ruziah Shafei, ASM CEO, Puan Hazami Habib and Chairperson of NPHAP, Academician Profesor Emerita Datuk Dr Asma Ismail FASc.

The NPHAP integrates planetary health principles into governance, education, and industry through a whole-of-nation approach supported by six Key Result Areas (KRAs), 53 strategies, and 222 action plans. The plan is guided by principles that are humanity-centric, STI-enabled, nature-based, and values-internalised, positioning Malaysia as a responsible steward of the planet and a nation nurturing globally competitive talent for a sustainable economy.

The NPHAP draws on evidence from Science Outlook 2020 and studies on zoonotic diseases, precision biodiversity, and COVID-19, consolidating key insights to highlight the urgency of planetary health through a science, technology, innovation, and economy (STIE) approach.

Malaysia’s commitment to planetary health has recently earned international recognition at the Planetary Health Alliance Meeting (PHAM) in Rotterdam. PHAM acknowledged Malaysia as the first nation to create and implement a National Planetary Health Action Plan. With vision, foresight, and commitment, Malaysia has set a global precedent, showing that protecting the health of people and the planet is inseparable.

To know more and read the NPHAP report, visit <https://www.akademisains.gov.my/planetary-health/>.

#END#



Media Kit: [Click here to access](#)

Media enquiries: NPHAP Secretariat, Academy of Sciences Malaysia

Email: planetaryhealth@akademisains.gov.my

Contact number: +603 6203 0633 ext 156/127/175/174/148